

## **PENGILANGAN SECARA KONTRAK (TOLL MANUFACTURING)**

- 1. Pengilangan Secara Kontrak** bermaksud pengilangan dan pemerosesan bagi pihak principal atau orang ketiga (dalam atau luar Negara) yang lazimnya membekalkan bahan mentah kepada pengilangan tempatan dimana hak milik barang siap itu masih di miliki oleh Prinsipal. Apabila barang siap dijual dipasaran tempatan, nilai jualan adalah nilai transaksi yang di caj oleh Prinsipal kepada pembeli tempatan mengikut Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Kaedah Penilaian) 2002.
- Pengilangan Secara kontrak terdapat dalam 3 bentuk:
  - a. Sub-Kontrak - pengilang A menghantar bahan mentah ke pengilang B untuk membuat sebahagian daripada proses atau menyudahkan barang siap. Barang siap dihantar semula pada pengilang A.
  - b. Pengilangan secara kontrak - 'trader' memberi kontrak mengilang kepada pengilang untuk mengilang barang siap bagi pihaknya.
  - c. Toll Manufacturing - 'trader' atau prinsipal dari luar negara memberi kontrak mengilang kepada pengilang tempatan untuk mengilang barang siap bagi pihaknya.
- Dalam ketiga-tiga situasi di atas, prinsipal lazimnya membekalkan bahan mentah pada pengilang tempatan dimana hak milik barang siap itu masih dimiliki oleh prinsipal.
- Bahan mentah dan komponen boleh dibekalkan secara keseluruhan atau sebahagian oleh prinsipal.
- Ketiga-tiga pengilang diatas adalah tertakluk kepada Akta Cukai Jualan 1972 dan mesti dilesenkan di bawah akta yang sama. Pengilang ini juga layak menikmati kemudahan memperoleh bahan mentah dan komponen bebas cukai.

## **KEMUDAHAN YANG BOLEH DIPEROLEHI DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 1972:**

- Kemudahan CJ5 bagi pengilang mengimport bahan mentah yang dibekalkan oleh prinsipal atau membeli bahan mentah daripada pengilang tempatan/vendor secara bebas cukai bagi tujuan pengilangan barang siap.
- Kontrak manufacturer/toll manufacturer di atas juga boleh menggunakan semua bentuk kemudahan mendapatkan bahan mentah tanpa cukai melalui kemudahan CJ5, CJ5B dan CJ10 (sistem kredit).
  - CJ5 adalah kemudahan mengimport atau membeli bahan mentah/komponen bebas cukai,
  - CJ5A adalah kemudahan pengilang membeli daripada trader/vendor yang diberi kelulusan membekal bahan mentah/komponen tanpa cukai.
  - CJ5B adalah kemudahan pengilang meng"sub-kontrak" sebahagian proses pengilangan barang milik principal kepada pengilang lain menggunakan prosidur CJ5B.
  - CJ10 adalah kemudahan pengilang bagi membeli bahan mentah/komponen daripada trader dengan cukai dan menolak cukai terlibat menggunakan kemudahan CJ10.

## **BAYARAN CUKAI:**

- Barang siap principal dikilang dan dijual dipasaran tempatan adalah tertakluk kepada cukai jualan. Cukai jualan sebenar hendaklah mengambilkira semua kos terlibat bagi mengeluarkan barang siap principal termasuk upah. Nilai transaksi mengikut Peraturan-Peraturan Cukai jualan (Kaedah Penilaian) 2002 adalah terpakai.

- Pengilang adalah bertanggungjawab membayar cukai jualan terlibat dan mengikrar dalam penyata CJP1 dan dibayar selaras dengan seksyen 19 dan 22, Akta CJP1 dan dibayar selaras dengan seksyen 19 dan 22, Akta Cukai Jualan 1972.
- Barang siap principal yang dikilang dan dieksport keluar negara oleh pengilang tidak tertakluk kepada cukai jualan dan hendaklah diikrar dengan menggunakan borang kastam no.2.
- Barang siap principal yang dijual kepada trader yang dilantik oleh principal bolehlah menggunakan kemudahan CJP(2) dan hendaklah dieksport dalam tempoh 6 bulan.

## **TANGGUNGJAWAB PELESEN (PENGILANG):**

- Pelesen dikehendaki menyediakan rekod-rekod akaun keatas semua bahan-bahan mentah, bahan pembungkusan dan juga barang siap prinsipal secara berasingan.
- Pelesen dikehendaki menyimpan rekod-rekod pembayaran cukai jualan seperti invois, penyata-penyata jualan serta penyata CJP1 dengan teratur dan kemaskini selaras dengan seksyen 18, Akta Cukai Jualan 1972.
- Pelesen mengikrar penyata dan bayaran CJP1 yang sama. Walaubagaimanapun, pelesen dikehendaki menyatakan butiran jualan barangf principal secara berasingan.
- Pelesen dikehendaki menyimpan semua dokumen-dokumen "perjanjian" diantara pihak prinsipal dan pengilang bagi tujuan pemeriksaan atau auditan.

---

Bahagian Cukai Dalam Negeri,  
Ibu Pejabat.

13 Disember 2008

**Untuk keterangan lanjut sila hubungi  
Cawangan Cukai Jualan**



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**Siri Panduan Kastam**

**AKTA CUKAI JUALAN 1972**

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN  
DI BAWAH SEKSYEN 9  
AKTA CUKAI JUALAN 1972  
UNTUK  
PENGILANG SECARA KONTRAK  
(TOLL MANUFACTURER)**

**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**No. Telefon : 03-88822100**

**No. Fax : 03-88895869**

*<http://www.custom.gov.my>*

*Email : [cd@customs.gov.my](mailto:cd@customs.gov.my)*

<b>Pejabat Kastam</b>	<b>No. Telefon</b>
Pelabuhan Kelang	03-31693888
Pulau Pinang	04-2622411/12
Seberang Perai	04-3972969
W. Persekutuan	03-7884080
KLIA Sepang	03-87768503
Johor Bahru	07-2225666
Kluang	07-722757
Muar	06-9864270
Batu Pahat	07-4355440
Kota Bharu	09-7481508
Rantau Panjang	09-7950349
Alor Setar	07-7751212
Sg. Petani	04-4210608 / 4412475
Kulim	04-4905161 / 4847136
Ipoh	05-5274322
Taiping	05-8073966
Lumut	05-6835280
Teluk Intan	05-6221055
Melaka	06-2312355
Seremban	06-6793700
Kuantan	09-5163515
Bentong	09-2221064
Temerloh	09-2964263
Kuala Terengganu	09-6204242
Kemaman	09-8591201/8281335
Perlis	04-9761420
Kota Kinabalu	088-239659/838472
Tawau	089-772580
Sandakan	089-219908/670153
Lahad	089-881531
Kuching	082-334172/334727
Miri	085-437951
Sibu	084-333422
Bintulu	086-331112
Sarikei	084-652170/652299
Limbang	085-211377